

EK

ECONEWS

INDUSTRI INSURANS HARUS PROAKTIF, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata industri insurans perlu bersifat proaktif dalam membuka pasaran baru di samping memperkenalkan produk yang sesuai dengan keperluan masyarakat.

Strategi ini perlu diambil untuk menampung permintaan insurans yang semakin canggih dan kompleks, kata Perdana Menteri majlis pelancaran Persatuan Agen-Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN) di sini.

Katanya kesedaran tentang insurans di kalangan rakyat negara ini masih rendah dan ini jelas daripada bilangan polisi insurans yang berkuatkuasa sekarang.

Perdana Menteri berkata bagi setiap 11 orang penduduk, hanya dua polisi insurans saja yang berkuatkuasa, dan keadaan ini menunjukkan bahawa skop industri ini masih luas.

Katanya pencapaian industri insurans didapati masih lagi di tahap yang tidak memuaskan jika dibandingkan dengan beberapa pasaran insurans luar negeri yang lebih matang.

Perdana Menteri juga berkata menjadi tanggungjawab mereka yang terlibat dalam industri ini menentukan agar setiap rakyat di negara ini yang mampu membiayai kos polisi insurans memperolehi perlindungan sewajarnya.

"Ini satu tanggungjawab sosial yang mesti dipenuhi selaras dengan seruan kerajaan bagi sektor korporat yang penyayang," kata Dr Mahathir.

Menge-nai masalah struktur dan kos operasi yang masih berlanjutan dalam industri insurans, beliau berkata syarikat-syarikat insurans nyawa tidak harus membiarkan kos operasi mereka naik ke tahap yang tinggi.

"Ini hanya mencerminkan bahawa kawalan kos sesebuah syarikat insurans nyawa tidak efektif malah jika dibiarkan berterusan, akan mengugut kedudukan kewangan dan daya tahan syarikat insurans tersebut," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata hanya mereka yang menekankan kawalan yang efektif terhadap kos akan dapat terus kekal beroperasi dalam jangka masa panjang.

Usaha kerajaan sahaja tidak memadai untuk mengatasi masalah ini dan tenaga agensi juga harus bersedia untuk bertolak ansur bagi kepentingan negara, kata beliau.

"Peningkatan dalam tahap pendapatan tenaga agensi haruslah dicapai dengan meningkatkan produktiviti dan bukannya semata-mata berdasarkan kadar komisen yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan berhasrat untuk menjadikan industri insurans nyawa sebagai komponen sektor kewangan dan perkhidmatan yang utama, kukuh dan maju.

Dalam proses untuk menyelesaikan masalah-masalah struktur sebegini, setiap pihak yang terlibat harus bersedia mengetepikan kepentingan peribadi untuk mencapai kepentingan nasional.

Menge-nai penceburan agen Bumiputera dalam bidang insurans nyawa, Dr Mahathir berkata walaupun bilangannya telah bertambah, profil keseluruhan agen-agen tidak berubah, iaitu tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah agen-agen.

Pada akhir 1993, bilangan agen Bumiputera ialah hanya 5,736 orang, merupakan 8.4 peratus daripada bilangan keseluruhan tenaga agen.

Daripada jumlah tersebut, sebilangan besar daripada ejen-ejen Bumiputera hanya agen sambilan.

Beliau menyeru JAMIN supaya membantu agen sambilan ini menjadi agen sepenuh masa yang profesional supaya produktiviti dan prestasi mereka dapat ditingkatkan.--Bernama